



**IBU PEJABAT JABATAN TENAGA KERJA  
SARAWAK**

---

**ARAHAN  
PENGARAH TENAGA KERJA  
DI BAWAH SEKSYEN 36(4) AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981  
BIL. 1 / 2018**

**(BAGI NEGERI SARAWAK SAHAJA)**

---

**TEMPOH PERALIHAN**

**1. TUJUAN**

1.1 Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Agensi Pekerjaan Swasta (APS) yang berlesen di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246] bahawa Akta 246 telah dipinda dan akan dikuatkuasakan mulai 1 Februari 2018.

1.2 Arahan ini juga bertujuan untuk memaklumkan semua APS yang sedang beroperasi berhubung tindakan-tindakan yang perlu dilakukan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh permulaan kuatkuasa Akta 246 (tempoh peralihan).

**2.0 TINDAKAN-TINDAKAN YANG PERLU DILAKSANAKAN**

Semua APS yang telah berlesen dengan JTK Sarawak dan berhasrat untuk menjalankan atau meluaskan aktiviti, hendaklah mengambil tindakan-tindakan berikut:

## 2.1 Memastikan Lesen Untuk Menjalankan Urusan Agensi Pekerjaan Swasta Masih Sahlaku

Di bawah Akta 246, lesen telah dikategorikan kepada tiga jenis iaitu Lesen A, Lesen B dan Lesen C dengan butiran seperti dinyatakan dalam Jadual berikut:

**JADUAL**

Kategori Lesen	Modal berbayar (RM)	Wang Jaminan (RM)	Wang jaminan untuk menubuhkan cawangan baru (RM)	Borang Permohonan
<b>Lesen A-</b> Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam Malaysia	RM50,000	RM5,000	RM5,000	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Permohonan Baharu-</b> Borang 1</li> <li>• <b>Permohonan penubuhan cawangan-</b> Borang 3</li> </ul>
<b>Lesen B-</b> Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam dan di luar Malaysia, dan pekhidmat domestik asing di dalam Malaysia	RM100,000	RM100,000	RM30,000	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Permohonan Baharu-</b> Borang 1</li> <li>• <b>Permohonan penubuhan cawangan-</b> Borang 3</li> </ul>
<b>Lesen C-</b> Untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam dan di luar Malaysia, dan pekerja bukan warganegara di dalam Malaysia	RM250,000	RM250,000	RM100,000	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Permohonan Baharu-</b> Borang 1</li> <li>• <b>Permohonan penubuhan cawangan-</b> Borang 3</li> </ul>

## **2.2 Mematuhi Semua Syarat yang ditetapkan di bawah Seksyen 9 Akta 246**

- (a) Sebuah badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 -
  - (i) modal Berbayar Minimum seperti dinyatakan dalam Jadual Kedua;
  - (ii) sekurang-kurangnya 51% daripada jumlah keseluruhan syer syarikat dipegang oleh warganegara Malaysia; dan
  - (iii) salah seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah adalah warga tempatan Sarawak;
  
- (b) Pengarah Syarikat yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal agensi -
  - (i) seorang warganegara Malaysia;
  - (ii) bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan; dan
  - (iii) tidak disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan antipemerdagangan orang dan buruh paksa;
  
- (c) Mempunyai premis yang sesuai untuk menjalankan aktiviti merekrut. Perkara yang perlu dipatuhi antaranya -
  - (i) menyediakan Pelan Susunatur Pejabat;
  - (ii) mempunyai Perjanjian Sewa Beli / Sewaan yang sah; dan
  
- (d) Nama syarikat yang didahului dengan perkataan "Agensi Pekerjaan".

## **2.3 Tempoh mengemukakan permohonan lesen baharu dan permohonan pembaharuan lesen**

2.3.1 Semua agensi hendaklah mengemukakan permohonan lesen baharu mengikut Akta Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2017 dalam tempoh 6 bulan daripada 1 Februari 2018.

